

15/10/1999

Dewan niaga Cina kaji masalah sektor pertanian

KUALA LUMPUR, Khamis - Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (Acccim) serta Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI) sedang merangka memorandum yang akan memberi gambaran sebenar mengenai sektor pertanian negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian KLSCCCI, Kerk Loong Sing berkata, memorandum yang mengandungi cadangan dan saranan untuk kemajuan sektor pertanian negara itu, akan diserahkan kepada kerajaan dan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) pada awal tahun depan.

Menurutnya, pihaknya berharap memorandum itu dapat digunakan untuk membantu menjayakan wawasan terbaru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi menjadikan Malaysia sebagai pengeluar bahan makanan.

Menurutnya, pihaknya akan mengadakan sesi sumbang saran dengan menjemput 20 pakar pertanian bagi mengkaji sistem pertanian yang diamalkan negara sekarang di Genting Highland pada 23 dan 24 Oktober ini.

Katanya, pihaknya juga sedang merangka borang kaji selidik yang akan diedarkan kepada mereka yang terbabit dalam sektor pertanian untuk mendapatkan gambaran sebenar masalah yang dihadapi.

"Borang kaji selidik berkenaan akan diedarkan kepada mereka yang terbabit dalam sektor pertanian pada November ini untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan," katanya pada sidang akhbar mengenai Sesi Sumbang Saran Kemajuan Pertanian dan Implikasinya di sini, hari ini.

Kerk berkata, memorandum itu akan mempunyai tiga bahagian yang mengandungi kesimpulan sesi sumbang saran, analisis kaji selidik yang dijalankan serta pengumpulan data mengenai insentif dan kemudahan yang disediakan di negara lain.

Beliau berkata, sesi sumbang saran dan kandungan kaji selidik itu lebih menumpu kepada mereka yang terbabit dalam sektor pertanian secara bukan komersil.

(END)